

CP02

Baca dialog berikut dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang mengikutinya.

- a) Terangkan maksud peribahasa yang bergaris bawah dalam kata bual di bawah
(10 markah)
- b) Dialog di bawah menggunakan bahasa lisan. Tuliskan semula dialog tersebut
dalam bentuk bahasa tulisan. (10 markah)

Setelah penat berbelanja di sebuah pusat membeli-belah, Azman pergi ke sebuah kedai minuman bersama bapanya.

Azman : Man heran kenapa budak-budak lelaki dan perempuan terpekik-pekau di sini. Semuanya masih seputik jagung. Mungkin masih sekolah lagi agaknya. Macam tak ada kerja yang lebih baik nak dibuat.

Encik Roslan : Sumbing mata ayah lihat perbuatan mereka yang biadap. Ayah harap, Man tak ikut kelakuan mereka itu,

Azman : Man tak mahu jadi macam mereka. Ibu selalu pesan Man, kita tak patut rendah budi. Tentu keluarga sendiri yang dapat malu kelak.

Encik Roslan : Ayah gembira Man fikir begitu. Moga-moga Man dapat beri sumbangan kepada negara dan bangsa dan bukan menjadi sampah masyarakat.

Azman : Man tak lupa pesan ayah dan ibu. Man akan patuh pada berjanji tak akan buat sesuatu yang burukkan nama baik ayah dan ibu.